

# Tambahan RM150 juta untuk projek pascabanjir

16,167 ketua isi rumah terjejas sudah terima Bantuan Wang Ihsan RM1,000

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan meluluskan peruntukan tambahan RM150 juta bagi usaha pemulihan, meliputi program dan projek pascabanjir khususnya di Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan tambahan itu diluluskan Kementerian Kewangan (MOF) serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara, yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ah-

mad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, kerajaan juga meminta supaya jentera kementerian dan jabatan terbabit program dan projek pascabanjir dalam waktu terdekat ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet di Pejabat Perdana Menteri, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah menyalurkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000 kepada 16,167 ketua isi rumah yang terjejas banjir setakat ini.

Beliau berkata, bantuan segera itu sedikit sebanyak membantu mangsa banjir dalam berdepan kesulitan ekoran bah yang melanda itu.

"Setakat ini, sebanyak 16,167 ketua isi rumah sudah menerima RM1,000 bagi setiap kiraan bagi WBI (kepada mangsa banjir)," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengemukakan pemberian BWI sebanyak RM1,000 bagi setiap ketua isi rumah terjejas ketika Mon-



Anwar mencuba Menu Siswa Rahmah di Kafeteria Randau Rasa Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, semalam.

(Foto BERNAMA)

sun Timur Laut (MTL) atau terkejut dengan lain-lain bencana yang diisytiharkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP).

Selain bantuan itu, bantuan kewangan juga disediakan kepada pemilik rumah yang mengalami kerosakan akibat banjir atau bencana alam.

Sementara itu, Perdana Menteri, semalam turut mencuba sendiri Menu Siswa Rahmah, yang

diperkenalkan di institusi pengajian tinggi sebelum menunaikan solat Jumaat.

Anwar mencuba beberapa menu yang disediakan di Kafeteria Randau Rasa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, antaranya ikan keli sambal, sayur dan ikan goreng.

Selain wakil pelajar, Perdana Menteri turut ditemani Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman serta barisan kepimpinan tertinggi dan pengurusan universiti.

Menu Siswa Rahmah adalah inisiatif KPT, dengan sajian pada harga serendah RM3.50, yang ditawarkan di 20 universiti awam (UA) seluruh negara serta politeknik, yang memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pelajar UA daripada kumpulan keluarga B40.

Anwar kemudian menyertai kira-kira 2,000 jemaah, termasuk warga UKM menunaikan solat Jumaat di Masjid UKM, yang terletak kira-kira 500 meter dari Kafeteria Randau Rasa.